

U GB 03-02 00183 BH759

aab

Mahathir - Ramos

MAHATHIR DAN RAMOS BERSETUJU BERTEMU LEBIH KERAP

Daripada Azman Ujang

I

MANILA, 3 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Fidel Ramos bersetuju bertemu lebih kerap bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Selepas rundingan di Istana Malacanang di sini di hari pertama lawatan Dr Mahathir ke Filipina, kedua-dua pemimpin mengumumkan bahawa hubungan Kuala Lumpur-Manila kini memasuki era baru sambil berkata hubungan dingin telah berlarutan sekian lama dan masalah antara kedua-dua negara tidak harus menghalangi pemupukan hubungan baik terutama bagi meningkatkan pembangunan ekonomi.

Pada persidangan akhbar bersama sejurus selepas rundingan itu, Dr Mahathir memuji Presiden Ramos atas dayausahanya memulihkan hubungan dengan Malaysia dengan melakukan lawatan ke Malaysia tahun lepas dan lawatan beliau ke sini ialah sebagai membalas lawatan itu.

"Suasana sekarang amat sesuai bagi kedua-dua negara meningkatkan kerjasama ekonomi dan kami bersetuju untuk bertemu lebih kerap," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau dan Presiden Ramos bersetuju bukan sahaja untuk bertemu lebih kerap di negara satu sama lain tetapi juga pada perjumpaan antarabangsa. -- Lagi

▼03/02/20-34MST

R GB 03-02 00154 BD615

aab

Mahathir - Ramos 2 Manila

"Ini membolehkan kami memperbaharui perkenalan dan persahabatan bagi membincangkan isu-isu dua hala," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, kemajuan telah dicapai ke arah pemulihan hubungan antara kedua-dua negara bukan sahaja melalui lawatan beliau dan Presiden Ramos tetapi juga antara para pegawai tertinggi yang lain melalui Suruhanjaya Bersama yang ditubuhkan bagi mempererat lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Presiden Ramos pula berkata, lawatan Dr Mahathir memberi dorongan dan semangat baru ke arah peningkatan hubungan antara Filipina-Malaysia.

"Lawatan itu meletakkan hubungan Filipina-Malaysia pada tahap yang lebih tinggi. Ia juga meletakkan hubungan antara kedua-dua negara pada era kerjasama yang baru dalam erti kata sebenar" kata Ramos.

Beliau berkata bahawa semasa rundingan, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengadakan dengan secepat mungkin mesyuarat Jawatankuasa Bersama mengenai Kerjasama Sempadan bagi mengawasi pergerakan barangan dan orang yang menyeberangi sempadan laut bersama secara lebih berkesan. -- Lagi

▼03/02/21-12MST

R GB 03-02 00140 BD616

aab

Mahathir - Ramos 3 Manila

Kenyataan kedua-dua pemimpin pada persidangan akhbar itu jelas menunjukkan bahawa kedua-dua pemimpin tidak membincangkan isu Sabah tetapi Presiden Ramos berkata, perbincangan mereka menyentuh mengenai pendatang Filipina di Sabah dan pekerja Filipina di Semenanjung Malaysia.

Beribu-ribu rakyat Filipina kini bekerja di Semenanjung Malaysia dan kebanyakan mereka bekerja sebagai pembantu rumah.

Ramos menarik perhatian kepada lawatannya ke Malaysia pada Januari tahun lepas dan berkata keputusan kerajaan Malaysia dan Dr Mahathir sendiri yang "berpandangan jauh" telah memungkinkan lawatan itu.

Beliau menyifatkan lawatannya ke Malaysia sebagai "bersejarah" kerana lawatan itu merupakan yang pertama oleh seorang Presiden Filipina dalam masa 25 tahun.

Lawatan itu membuka era baru dalam hubungan kerana kedua-dua negara bersetuju untuk mengenyahkan perbezaan pendapat dan membina hubungan demi kepentingan bersama, kata beliau. -- Lagi

▼03/02/21-14MST

R GB 03-02 00141 BD617

aab

Mahathir - Ramos 4 Manila

Sebelum persidangan akhbar, kedua-dua pemimpin menyaksikan pemeteraian sembilan Memorandum Persefahaman bagi projek usahasama bernilai beratus-ratus juta Ringgit antara syarikat Malaysia dan Filipina.

Selepas persidangan akhbar, Dr Mahathir menghadihkan sebuah kereta Limosin Proton Wira pandu sebelah kiri kepada Presiden Ramos.

Presiden Ramos kemudian menaiki kereta itu lalu memandunya membawa Dr Mahathir mengelilingi perkarangan istana.

Menurut Datuk Adzmi Wahab, pengarah urusan Edaran Otomobil Nasional (EON) kereta itu merupakan unit pandu sebelah kiri yang pertama dipasang oleh Proton dengan mengambil kira bahawa Filipina menggunakan kenderaan pandu sebelah kiri.

Sementara itu, ketika berucap pada jamuan malam meraikan oleh Presiden Ramos di Istana Malacanan malam ini, Dr Mahathir menarik perhatian kepada peribahasa Melayu berbunyi: "Tak kenal maka tak cinta" bagi menggambarkan hubungan masa lalu antara kedua-dua negara. -- Lagi

▼03/02/22-04MST

R GB 03-02 00125 BD618

aab

Mahathir - Ramos 5 Manila

Beliau juga menarik perhatian kepada konsep bagi penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan perlunya forum perundingan bagi negara-negara di rantau berkenaan berfungsi dengan secepat mungkin.

"Saya ingin menegaskan bahawa EAEC bukan satu blok ekonomi," kata beliau.

Sebaliknya, EAEC akan membantu negara-negara di Asia Timur mempelajari pengalaman negara-negara yang mencapai kejayaan di samping menggerakkan pelaburan bagi mempercepatkan pembangunan dan pemindahan teknologi.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri menjangka bahawa akan muncul Lingkungan Kemakmuran Asia Timur yang boleh berfungsi sebagai landasan untuk pertumbuhan bagi negara-negara lain di dunia.

Dr Mahathir juga menyambut baik penubuhan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) yang dipelopori dan diusahakan oleh Presiden Ramos sendiri. -- Lagi

▼03/02/22-06MST

R GB 03-02 00065 BD619

aab

Mahathir - Ramos 6 (akhir) Manila

EAGA menggabungkan Mindanao di Selatan Filipina, Sabah dan Sarawak, Timur Indonesia dan Brunei.

EAEG antara lain menghubungkan kawasan-kawasan melalui laluan pengangkutan dan rangkaian komunikasi secara terus, perkongsian kemudahan dan membangunkan sumber secara bersama.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia bersedia bertukar-tukar pengalaman pembangunan dengan Filipina. -- Bernama

AU FAZ

▼03/02/22-10MST